

KEPERLUAN GOVERNAN STRUKTUR TERAS PERLEMBAGAAN

DATUK DR. WAN AHMAD FAUZI BIN WAN HUSAIN

**Penasihat Undang-Undang
Universiti Malaysia Perlis**

Pelbagai suruhanjaya ditubuhkan sama ada untuk melaksanakan fungsi-fungsi tertentu yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan atau untuk memelihara hak-hak tertentu yang dijamin oleh undang-undang. Dewasa ini kita lihat peningkatan kes dan insiden yang menunjukkan prinsip utama kepada Perlembagaan Persekutuan dipersoal malah ada suara sumbang yang ingin menukarkannya dengan nilai-nilai baharu yang bertentangan dengan aspirasi majoriti warganegara Malaysia.

Prinsip utama yang dimaksudkan di sini terangkum dalam dua peruntukan Perlembagaan Persekutuan iaitu Perkara 38(4) dan Perkara 159(5). Perkara 38(4) menyentuh kedudukan dan fungsi Majlis Raja-Raja sebagai identiti yang mendokong penubuhan Malaysia sebagai sebuah Persekutuan serta kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai ketua-ketua agama Islam dan kewajipan untuk memelihara ajaran Islam selaras dengan tanggungjawab sebagai pemegang amanah kedaulatan mutlak milik Allah SWT di bawah wilayah kekuasaan mereka masing-masing juga keistimewaan kedudukan Raja-Raja Melayu menurut adat Melayu. Perkara 159(5) pula terdiri daripada Perkara 10(4) berhubung dengan kuasa Parlimen untuk mengadakan sekatan-sekatan demi kepentingan ketenteraman awam; larangan perbuatan mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau hak kedaulatan yang ditetapkan atau diperlindung oleh peruntukan berkenaan kewarganegaraan, bahasa Melayu, kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan anak-anak Negeri Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah kaum-kaum lain dan kedaulatan Raja-Raja Melayu serta prerogatif Pembesar-pembesar Memerintah Negeri Sembilan; kewarganegaraan; Majlis Raja-Raja; pengecualian imuniti ahli-ahli Parlimen; keutamaan Raja dan Yang di-Pertua Negeri; jaminan Persekutuan terhadap hak-hak perlembagaan, keistimewaan-keistimewaan dan pewarisan raja dalam Perlembagaan Negeri; pengecualian imuniti ahli Dewan Undangan Negeri; bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan tanpa memprejudiskan penggunaan tulisan Jawi; kedudukan istimewa orang Melayu dan anak-anak Negeri Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah kaum-kaum lain menurut Perlembagaan Persekutuan; dan Perkara 159(5) itu sendiri. Selain di atas, Perkara 161E Perlembagaan Persekutuan menetapkan pindaan yang memerlukan persetujuan Yang di-Pertua Negeri Sabah

atau Sarawak sekaligus menghormati semangat persekutuan antara Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.

Prinsip utama di atas merupakan struktur teras Perlembagaan atau dalam bahasa Inggerisnya dipopularkan sebagai “*the basic structure of our Constitution*”. Menginsafi bahawa setiap struktur teras itu mempunyai kepentingannya tersendiri dalam pembinaan sebuah Negara bangsa, maka selepas tercetusnya Peristiwa 13 Mei, Kerajaan Persekutuan menukilkan struktur teras tersebut dalam lima prinsip Rukun Negara, iaitu kepercayaan kepada Tuhan, kesetiaan kepada Raja dan Negara, kedaulatan Undang-undang, keluhuran Perlembagaan dan kesopanan dan kesusilaan.

Perkara 38(4), Perkara 159(5) dan Perkara 161E merupakan struktur teras Perlembagaan Persekutuan kerana setiap satu daripadanya tidak boleh dipinda tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja. Pemaktuban kuasa khas Majlis Raja-Raja itu menghadkan kuasa Parlimen sekaligus menunjukkan prinsip kedaulatan Raja-Raja dan keluhuran perlembagaan di Malaysia. Pentafsiran tentang struktur teras Perlembagaan Persekutuan perlulah berpaksikan pada tiga peruntukan undang-undang tersebut. Penghayatan tentang perkara-perkara di atas perlu diberi keutamaan segera agar tiada mana-mana warganegara Malaysia cuba mengasaskan identiti bangsa Malaysia di luar kerangka watannya berpaksikan Perlembagaan Persekutuan. Justeru, dilihat wujudnya keperluan mendesak bagi Kerajaan untuk menubuhkan sebuah suruhanjaya berstatus seperti SUHAKAM atau ejensi persekutuan mahupun negeri untuk berfungsi seperti berikut:

1. Memperkasakan kajian yang menyentuh jati diri watan Malaysia, iaitu Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak;
2. Menyebar luas fahaman yang betul tentang kenegaraan Malaysia dari aspek sejarah perundangan yang melatari struktur teras Perlembagaan Persekutuan;
3. Melestarian prinsip undang-undang yang menyentuh kenegaraan seperti terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan;
4. Menyampaikan pandangan dan mengusulkan pelan tindakan bersesuaian bagi pertimbangan Kerajaan dalam bidang kajian dan pemantauan yang dilaksanakan; dan
5. Mengukuhkan perpaduan Nasional berlandaskan jati diri watan bangsa Malaysia berprinsipkan kedaulatan undang-undang dan keluhuran Perlembagaan Persekutuan.

Pewujudan entiti seperti yang dicadangkan di atas merupakan suatu kehendak di bawah Perlembagaan Persekutuan yang mampu menyempitkan jurang perbezaan dalam isu-isu

kenegaraan dan memupuk kesetiaan sebenar kepada Malaysia. Penyataan ini tidaklah keterlaluan kerana setiap warganegara perlu menumpahkan kesetiaan begitu juga ahli Parlimen dan Jemaah Menteri Malaysia. Sumpah jawatan seperti dalam Jadual Keenam Perlembagaan Persekutuan menuntut setiap ahli pentadbiran Negara, ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaan Persekutuan. Sumpah dalam Jadual Keenam mengandungi lafaz, “Bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia, dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaannya”. Sumpah itu menuntut ketataan dan kepatuhan pada Perlembagaan Persekutuan termasuklah perkara-perkara yang sudah dijelaskan.

Justeru, amatlah diharapkan Kerajaan Persekutuan di bawah kekuasaan Yang di-Pertuan Agong dan pimpinan Perdana Menteri pada hari ini sudi menimbangkan penubuhan sebuah suruhanjaya kedaulatan atau ejensi yang boleh berfungsi untuk mencapai objektif yang dinyatakan di atas demi memeliharaan kedaulatan Raja-Raja dan keluhuran perlembagaan.